

PLUS INGATKAN OPERATOR DAN PEMANDU KENDERAAN BERAT PATUHI HAD KETINGGIAN BAGI MENGELAKKAN INSIDEN DI LEBUH RAYA

Petaling Jaya, 29 Jun 2026:- Susulan beberapa insiden yang melibatkan kenderaan berat jenis *low loader* yang membawa muatan melebihi had ketinggian, PLUS Malaysia Berhad (PLUS) mengingatkan semua operator pengangkutan dan pemandu kenderaan berat agar sentiasa mematuhi peraturan keselamatan jalan raya yang telah ditetapkan. Insiden seumpama ini bukan sahaja menyebabkan kerosakan serius kepada infrastruktur lebuhraya, malah turut menjejaskan keselamatan pengguna lain serta mengakibatkan kesesakan trafik yang signifikan.

Keselamatan pengguna sentiasa menjadi keutamaan PLUS. Sehubungan itu, PLUS memandang serius sebarang pelanggaran had muatan dan ketinggian dan menggesa semua syarikat logistik serta pemandu kenderaan berat untuk memastikan dimensi muatan diperiksa dengan teliti sebelum memulakan perjalanan.

Bagi kelancaran trafik dan keselamatan bersama, sila ambil perhatian terhadap langkah-langkah keselamatan berikut:

Patuhi Had Ketinggian

Pastikan ketinggian keseluruhan kenderaan bersama muatan tidak melebihi 5 meter atau had tertentu yang ditetapkan bagi laluan dan struktur berkaitan.

Rancang Laluan Lebih Awal

Kenderaan yang membawa muatan luar biasa (*oversized cargo*) hendaklah merancang laluan dengan teliti dan mendapatkan Permit Pergerakan Khas daripada pihak berkuasa berkaitan.

Peka Terhadap Papan Tanda Amaran

Sentiasa mematuhi papan tanda had ketinggian di gantri, jejantas atau jejambat termasuk di kawasan plaza tol.

Gunakan Lorong yang Sesuai

Kenderaan berat hendaklah menggunakan lorong tol yang ditetapkan dan bersesuaian dengan saiz kenderaan.

PLUS tidak bertolak ansur terhadap sebarang kecuaiian yang mengakibatkan kerosakan kepada harta benda lebuhraya atau membahayakan pengguna. Tindakan sewajarnya, termasuk undang-undang, akan diambil terhadap pihak yang bertanggungjawab.

Dalam masa yang sama, bagi memperkasakan aspek ini, PLUS terus bekerjasama rapat dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi memperkukuh penguatkuasaan undang-undang lalu lintas di rangkaian lebuhraya kendaliannya.



Ahli Kumpulan UEM 

KENYATAAN MEDIA

Pengguna lebuhraya yang melihat pemanduan berbahaya atau kenderaan dengan muatan yang mencurigakan, boleh melaporkan segera kepada PLUS menerusi PLUSLine di talian 1800-88-0000 atau melalui aplikasi PLUS untuk tindakan lanjut.

-TAMAT-

PERTANYAAN MEDIA:

Mashitah Mohd Arshad Pemangku Ketua Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon: 013-209 7092 Emel: mashitah@plus.com.my	Rofina Adam Pengurus Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon: 012-657 4452 Emel: rofina@plus.com.my
--	---